

Naib Canselor, UTHM anjur rumah terbuka

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut tidak ketinggalan mengadakan majlis rumah terbuka di di Parit Raja pada Sabtu lalu.

Majlis berkenaan diadakan serentak bersama program Naib Canselor UTHM, Datuk Dr Mohd Noh Dalimin bersama masyarakat dan sambutan Syawal.

Antara tetamu istimewa yang hadir adalah Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Aziz Kaprawi dan Pegawai Daerah Batu Pahat, Mohd Halim Hasbullah.

Malahan pelajar-pelajar antarabangsa juga turut dapat merasai kemeriahan sambutan Syawal di negara ini dan sekali gus menunjukkan keunikan amalan budaya serta agama di sini.



Pelajar antarabangsa UTHM tidak melepaskan peluang merasai kemeriahan majlis rumah terbuka itu.

Mohd Noh (kanan) melayan mesra kehadiran para tetamu pada majlis berkenaan.



Kehadiran Aziz (duduk, dua kanan) dan Mohd Halim (duduk, dua kiri) memeriahkan lagi rumah terbuka.